

**Kabinet Setuju Luluskan Hab Pendidikan Tinggi Pagoh – Muhyiddin  
Bernama  
19 Julai, 2012**

MUAR, 19 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata Kabinet bersetuju meluluskan cadangan pembinaan Hab Pendidikan Tinggi Pagoh fasa pertama dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM1 bilion.

Beliau berkata keputusan itu diluluskan Rabu dan projek yang bercirikan pembangunan mesra alam akan dibina fasa demi fasa bermula hujung tahun ini dengan melibatkan pembinaan tiga buah universiti dan sebuah politeknik. Menurutnya universiti pertama yang akan dibina ialah Universiti Tun Hussein Onn (UtHM) memandangkan kawasan kampus induk yang ada sekarang di Batu Pahat tidak lagi boleh diperbesarkan.

"Universiti lain yang akan dibina ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) serta sebuah politeknik yang mana kita akan bina semua ini secara berperingkat dalam tempoh tiga hingga empat tahun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis Himpunan Mesra Tan Sri Muhyiddin Yassin bersama Pesara-pesara Kerajaan Parlimen Pagoh di Kompleks Seri Pekembar di sini, Khamis.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata kesemua universiti berkenaan akan dibangunkan di kawasan seluas 202 hektar dan menggunakan ulititi secara guna sama seperti kompleks sukan dan perpustakaan yang akan turut dibina di kawasan itu.

"Universiti nama berlainan tetapi menggunakan semua kemudahan seperti kompleks sukan dan perpustakaan secara bersama, tidak perlu banyak bangunan," katanya.

Beliau berkata, apabila projek fasa pertama itu siap, ia mampu menampung 10,000 pelajar dalam satu-satu masa.

Selain itu, katanya, Sime Darby selaku pemilik tanah berkenaan juga akan membina hostel, bangunan kedai serta kawasan perumahan yang dijangka mampu menjana ekonomi penduduk setempat.

Dalam masa yang sama, katanya, kerajaan masih membuka peluang kepada universiti antarabangsa untuk membuka kampus cawangan mereka di sini.

Katanya beliau sudah meminta Kementerian Pengajian Tinggi mempelawa pihak yang berminat untuk berbuat demikian bagi memastikan kawasan Hab Pendidikan Tinggi Pagoh bukan sahaja mempunyai universiti tempatan tetapi juga universiti luar negara.

Muhyiddin berkata, sebelum ini Institut Teknologi Bandung juga telah menyatakan minat untuk membuka kampus di sini.

Sementara itu, dalam perkembangan masalah bekalan air di Selangor, Muhyiddin berkata beliau akan mempengerusikan satu mesyuarat jawatankuasa khas Kabinet berhubung perkara itu untuk mengetahui permasalahan sebenar isu itu.

"Saya akan panggil Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Peter Chin Fah Kui untuk beri maklumat secara terperinci dan akan lihat peranan kerajaan negeri serta syarikat pembekal air.

Menurutnya soal itu akan dibincangkan dengan teliti kerana ia membabitkan kepentingan awam dan untuk mengelak salah faham mengenai peranan kerajaan pusat dalam isu itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681935>

